

GP:
Taman
Industri
Teknologi
Tinggi dan
Rumah Pekerja

JPBD 3/2000



GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN

TAMAN INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI DAN RUMAH PEKERJA



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENAJUNG MALAYSIA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Cetakan Pertama 2000
Cetakan Kedua 2002
© Hakcipta
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia

Hakcipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara
yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan
dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, samada
dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya
tanpa kebenaran bertulis daripada
Penerbit terlebih dahulu.

ISBN 983-9396-55-2

KDN : BP/301/22 Jld. 19 SEM/2.

Diterbitkan di Malaysia
Oleh
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia.
Tel : 03-26989211 Fax : 03-26929994

Dicetak oleh:
Misas Advertising
No. 7, Jalan 6/23E,
Taman Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur.
Tel./Fax No: 03-40242004

Harga :RM35.00

KATA ALUAN

*Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia*



Wawasan 2020 digubal khas untuk memandu Malaysia ke arah menjadi sebuah negara maju berasaskan sektor industri teknologi tinggi pada abad ke 21. Penyediaan perancangan fizikal yang menyeluruh adalah penting dan perlu diambilkira ke arah menggalakkan lagi perkembangan industri teknologi tinggi pada masa hadapan, memandangkan sumbangan pembangunan industri ini adalah besar kepada pembangunan negara.

Ketiadaan garis panduan pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi di negara kita akan menghasilkan suatu perancangan yang tidak tersusun dan tidak menyeluruh. Justeru itu, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia dengan bantuan beberapa kepakaran tempatan serta agensi Kerajaan telah berusaha menyediakan satu Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi dan Rumah Pekerja yang mengandungi perancangan lalulintas, landskap, imej dan rekabentuk, kejuruteraan awam serta alam sekitar, perancangan perumahan untuk pekerja dan kemudahan masyarakat. Garis Panduan yang dihasilkan merupakan cetakan kedua ini bertujuan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan melaksanakan pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi dan Rumah Pekerja yang sistematik dan tersusun.

Akhir kata saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas kerjasama dan sokongan yang padu dalam menghasilkan Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi Dan Rumah Pekerja ini.



DATO' WAN MOHAMAD MUKHTAR B. MOHD. NOOR
(D.P.C.M., D.P.M.T., D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., A.M.N.)

1.0	TUJUAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	LATAR BELAKANG	1
3.1	Takrifan Taman Industri Teknologi Tinggi	1
3.2	Ciri-ciri Taman Industri Teknologi Tinggi	2
3.3	Konsep Perancangan Fizikal Taman Industri Teknologi Tinggi	3
3.4	Amalan Perancangan Terbaik	3
4.0	DASAR PELAKSANAAN PERANCANGAN TAMAN INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI DAN RUMAH PEKERJA	3
5.0	PRINSIP PERANCANGAN	4
6.0	GARIS PANDUAN UMUM	5
6.1	Perancangan Tapak	8
6.2	Keluasan Lot dan Premis	8
6.3	Perancangan Pengangkutan dan Lalulintas	8
6.3.1	Aksesibiliti	8
6.3.2	Rekabentuk Sirkulasi Dalaman	8
6.3.3	Lorong Pejalan Kaki Dan Basikal	8
6.3.4	Pengangkutan Awam	9
6.4	Perancangan Landskap	10
6.4.1	Perancangan Landskap Zon P & P, Institusi Dan Industri	11
6.5	Imej dan Rekabentuk Bandar	12
6.5.1	Ciri-ciri Bangunan	13
6.5.2	Penggunaan Bahan Untuk Bangunan	13
6.6	Kejuruteraan Awam/Alam Sekitar	13
6.7	Perancangan Perumahan Untuk Pekerja	14
6.8	Kemudahan Perniagaan	15
6.9	Kemudahan Rekreasi	16
6.10	Kemudahan Masyarakat	16
6.11	Tempat Letak Kenderaan	16
7.0	PIAWAIAN PERANCANGAN	17
7.1	Intensiti Pembangunan	17
7.2	Bangunan Industri	18
7.3	Landskap	19
7.4	Saiz Plot dan Pembangunan Dalam Taman	19
7.5	Keluasan Lantai Premis Dalam Bangunan	19
7.6	Jenis Premis	20
7.7	Penggunaan Ruang Lantai (Taman Sains dan Taman Teknologi)	20
7.8	Tempat Letak Kenderaan	20

7.9	Sirkulasi Dalaman	21
7.10	Utiliti	23
7.11	Bentuk dan Ciri-Ciri Bangunan	24
7.12	Pertimbangan Golongan Kurang Upaya	25
7.13	Pusat Perniagaan	26
7.14	Laluan Pejalan Kaki dan Laluan Berbasikal	28
7.15	Rekreasi	28
7.16	Rekabentuk Landskap	29
7.17	Kemudahan Masyarakat	31
7.18	Tumbuh-tumbuhan yang Dicadangkan di Kawasan Tertentu	31
7.19	Perancangan Papan Tanda	33
8.0	PERANCANGAN OPTIMUM TAPAK TAMAN INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI	35

GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN TAMAN INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI DAN RUMAH PEKERJA

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi-Agensi Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun dan Pihak Swasta di dalam merancang dan membangunkan Taman Industri Teknologi Tinggi dan Rumah Pekerja.

2.0 OBJEKTIF

Objektif Garis Panduan Dan Piawai Perancangan ini adalah untuk:

- i. Menetapkan aktiviti pembangunan, perletakan, kepadatan, pengezonan, keluasan, sistem rangkaian jalanraya, kemudahan infrastruktur dan rumah pekerja di dalam sesuatu pemajuan Taman Industri Teknologi Tinggi Dan Rumah Pekerja; dan
- ii. Mengawal aktiviti pembangunan yang dicadangkan di kawasan Industri Teknologi Tinggi Dan Rumah Pekerja supaya tidak menimbulkan sebarang kesan negatif kepada pembangunan berkenaan dan kawasan persekitaran yang terbabit.

3.0 LATAR BELAKANG

Taman Industri Teknologi Tinggi dapat memberi sumbangan yang luas dalam bidang ekonomi negara. Perubahan industri pembuatan kepada industri berasaskan teknologi maklumat pada abad ke 21 akan membantu di dalam meningkatkan kadar pulangan pelaburan nasional dalam sektor penyelidikan dan pembangunan (P&P) selaras dengan perkembangan sains dan teknologi terkini.

Perancangan fizikal yang menyeluruh adalah penting dan perlu diambilkira bagi menuju ke arah menggalakkan lagi perkembangan industri tinggi pada masa hadapan, memandangkan sumbangan pembangunan industri adalah besar kepada pembangunan negara. Hasil penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah merumuskan bahawa perancangan dan pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi dengan pembangunan rumah pekerja yang bersepadu perlu diberi perhatian untuk menyediakan persekitaran yang selesa, bermutu tinggi dan nyaman untuk menggalakkan serta menarik jumlah pekerja mahir dan ahli korporat untuk berkecimpung dalam pembangunan sektor Industri Teknologi Tinggi.

3.1 Takrifan Taman Industri Teknologi Tinggi

Taman Industri Teknologi Tinggi ditakrifkan sebagai "Pembangunan hartanah yang eksklusif yang mana menggalakkan pertubuhan dan pertumbuhan sektor perniagaan dan industri berasaskan pengetahuan, menggalakkan pemindahan teknologi tinggi dan kemahiran kepada

organisasi serta mempunyai hubungan formal dan erat dengan Universiti, Pusat Pengajian Tinggi dan Pusat Penyelidikan”.

Terdapat dua kategori utama Taman Industri Teknologi Tinggi iaitu:

- i. Taman Sains (taman penyelidikan, pusat inovasi yang tidak melibatkan aktiviti perkilangan); dan
- ii. Taman Teknologi (melibatkan aktiviti perkilangan)

3.2 Ciri-ciri Taman Industri Teknologi Tinggi

- i. Mempunyai hubungan yang erat dari segi akademik dan teknikal dengan pihak Universiti, Institusi Pengajian Tinggi dan Institusi Penyelidikan;
- ii. Industri Teknologi Tinggi dirujuk kepada industri yang mempunyai nisbah perbelanjaan Penyelidikan Dan Pembangunan tempatan kepada jumlah jualan kasar tahunan sekurang-kurangnya satu peratus (1%). Walaubagaimanapun, firma-firma dibenarkan untuk memenuhi keperluan dalam masa tiga tahun operasi perniagaan dijalankan dan peratusan bilangan pekerja yang terdiri dari graduan sains dan teknikal adalah sekurang-kurangnya tujuh peratus (7 %) daripada jumlah keseluruhan pekerja;
- iii. Berkepadatan rendah dan terletak dalam lapangan hijau. Kepadatan yang dicadangkan ialah kegunaan kawasan tepubina sebanyak tiga puluh lima peratus (35%) maksimum. Terdapat dua jenis persekitaran iaitu jenis bandar dan kampus di mana persekitaran berjenis kampus mempunyai kepadatan yang lebih rendah;
- iv. Aktiviti Taman Industri Teknologi Tinggi tidak harus menjanakan kebisingan seperti '*bad neighbour*' kepada plot bersebelahan. (Aktiviti '*bad neighbour*' termasuk aktiviti yang menjanakan silauan atau kepanasan yang banyak terbentuk pada sempadan plot, tahap kebisingan melebihi peratusan yang ditetapkan atau mengakibatkan gangguan, getaran lantai di sempadan plot dan lain-lain gangguan kepada penginap taman teknologi yang bersebelahan);
- v. Menyediakan kemudahan yang eksklusif dan bercirikan teknologi tinggi kepada para pekerja dari segi kemudahan masyarakat, tempat kediaman dan juga persekitaran fizikal;
- vi. Menyediakan kemudahan infrastruktur yang berkualiti tinggi berbanding dengan pembangunan industri konvensional;
- vii. Memberi penumpuan khas ke atas sektor industri yang menjalankan Penyelidikan dan Pembangunan dan dirancang dalam persekitaran hijau yang berkualiti tinggi dan berkepadatan rendah;

- viii. Pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi yang spesifik kepada satu produk adalah digalakkan;
- ix. Taman Sains tidak melibatkan aktiviti pengeluaran manakala Taman Teknologi melibatkan aktiviti perkilangan dan gudang; dan
- x. Taman Industri Teknologi Tinggi tidak mengandungi komponen berbahaya dan beracun perkilangan beracun.

3.3 Konsep Perancangan Fizikal Taman Industri Teknologi Tinggi

Terdapat tiga konsep perancangan fizikal Taman Industri Teknologi Tinggi iaitu:

- i. Pembangunan bandar baru;
- ii. Pembangunan dalam universiti; dan
- iii. Pembangunan dalam kawasan pusat bandar sedia ada.

3.4 Amalan Perancangan Terbaik

Konsep pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi yang bermula di Amerika Syarikat telah terbukti dapat memberi sumbangan yang luas dalam bidang ekonomi dan seterusnya mempengaruhi pembangunan wilayah dan negara. Konsep Taman Industri Teknologi Tinggi yang telah dilaksanakan di beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Eropah, United Kingdom dan Jepun telah menunjukkan kejayaan yang besar, di mana Taman Industri Teknologi Tinggi telah dapat mewujudkan peluang pekerjaan, memberi faedah kepada industri lain dan membantu meningkatkan kadar pulangan pelaburan negara dalam sektor penyelidikan dan pembangunan (P&P). Pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi ini telah menggalakkan penglibatan universiti dalam pemindahan teknologi. Sokongan kuat dan bantuan yang dihulurkan oleh pihak kerajaan dalam pelbagai peringkat pembangunan sama ada dari segi kewangan, insentif dan penglibatan dalam pelaksanaannya adalah penting untuk menjamin kejayaan Taman Industri Teknologi Tinggi.

4.0 DASAR PELAKSANAAN PERANCANGAN TAMAN INDUSTRI TEKNOLOGI TINGGI DAN RUMAH PEKERJA

- i. Pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi dan Rumah Pekerja mestilah mengikut keperluan setempat dan berasaskan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan;
- ii. Jenis dan kategori Industri Teknologi Tinggi hendaklah mematuhi '*Guidelines For The Siting And Zoning Of Industry*' oleh Jabatan Alam Sekitar;
- iii. Pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi mestilah menyediakan rumah pekerja yang bersepadu dan lengkap;

- iv. Pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi perlu mengutamakan hubungan formal dengan Universiti atau Institut Pengajian Tinggi;
- v. Pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi perlu mempunyai sistem jaringan pengangkutan darat dan udara yang cekap;
- vi. Pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi perlu memberi penumpuan khas terhadap sektor industri yang menjalankan penyelidikan dan Pembangunan (P&P) berasaskan teknologi maklumat.
- vii. Mematuhi Piawai Perancangan Kawasan Perindustrian JPBD 12/97 yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia dan Manual Piawai Perancangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia, 1988; dan
- viii. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah ditubuhkan untuk pembangunan yang bercirikan bandar baru bagi mengurus setiap gunatanah dalam bandar dengan berkesan.

5.0 PRINSIP PERANCANGAN

Perancangan Taman Industri Teknologi Tinggi Dan Rumah Pekerja hendaklah berasaskan kepada prinsip perancangan dan pembangunan sejagat iaitu;

i. Adil

Tepat dan Saksama

Perletakan Taman Industri Teknologi Tinggi Dan Rumah Pekerja yang **bersesuaian** dan tidak **memberi kesan buruk** terhadap kawasan sekitarnya dan sumber-sumber lain.

ii. Ihsan

Kemudahsampaian

Perancangan pertapakan Taman Industri Teknologi Tinggi Dan Rumah Pekerja perlu sesuai dari segi perletakan agar **mudahsampai** dan tidak menjejaskan kawasan persekitaran.

iii. Amanah dan Berwibawa

Keserasian

Perancangan Taman Industri Teknologi Tinggi dan Rumah Pekerja yang mengambilkira faktor-faktor topografi, teknologi dan geoteknik supaya serasi dengan gunatanah persekitaran.

iv. **Keprihatinan**

Berkomponen Dan Berkualiti

Perancangan dan Pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi Dan Rumah Pekerja yang berkomponen, berkualiti dan berdaya maju.

v. **Hak Individu Dan Masyarakat**

Keselamatan Dan Kesejahteraan

Perancangan Taman Industri Teknologi Tinggi Dan Rumah Pekerja yang menghindarkan unsur-unsur yang mendatangkan ancaman, kerosakan atau kemudaratan untuk keselamatan dan kesejahteraan pekerja dan kawasan sekitar.

vi. **Bersih Dan Indah**

- a. Perancangan Taman Industri Teknologi Tinggi Dan Rumah Pekerja dilandskap supaya berada di dalam keadaan bersih, pemandangan indah dan teratur dengan kemudahan-kemudahan asas dan awam yang mencukupi serta sistem lalulintas dan pengangkutan yang berkesan dan selesa; dan
- b. Menggalakkan penanaman pokok-pokok untuk mengurangkan pencemaran.

Penhijauan

Pewujudan jalur hijau yang berfungsi sebagai penampan dengan gunatanah sekitarnya.

vii. **Penjimatan Yang Cepak**

Optimum

Perancangan dan pembangunan yang mempertimbangkan **sumberjaya** dan potensi sediaada kepada pembangunan sesuatu kawasan untuk **mengoptimumkan** penggunaan sumber tanah dan sumber lain yang cekap.

Informatif

Perancangan sistem pengangkutan awam yang bermaklumat dalam kawasan Taman Industri Teknologi Tinggi Dan Rumah Pekerja.

6.0 GARIS PANDUAN UMUM

6.1 Perancangan Tapak


- i. Tapak yang mempunyai ciri-ciri bentuk muka bumi yang menarik dengan pandangan terbuka kepada kawasan semulajadi yang menarik, kesediaan kawasan hutan, sungai

atau lain-lain badan air yang mempunyai potensi dijadikan perancangan landskap utama pembangunan;

ii. Perletakan Taman Industri Teknologi Tinggi adalah bergantung kepada tiga konsep perancangan fizikal:

a. Pembangunan Bandar Baru;


- Taman Industri Teknologi Tinggi berkonsepkan bandar baru dibangunkan dalam jarak minimum 20 km daripada pusat pertumbuhan sedia ada; dan
- Ia dibangunkan sebagai bandar baru yang berkonsepkan *self-contained* dan dihubung ke pusat pertumbuhan dengan sistem pengangkutan yang cekap.



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

b. Pembangunan Dalam Universiti


- Terletak berdekatan dengan pusat pertumbuhan (<20 km) di atas tanah universiti;
- Mempunyai pertalian yang erat dengan universiti dari segi kemahiran teknikal dan pengurusan; dan
- Bergantung kepada pusat pertumbuhan untuk mendapatkan kemudahan sosial dan perumahan sebagai pelengkap.



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

c. Pembangunan Dalam Kawasan Pusat Bandar Sedia ada

- Terletak dalam kawasan bandar dengan kesediaan pelbagai kemudahan;
- Taman Industri Teknologi Tinggi perlu dimajukan di sekitar pembangunan sedia ada bagi memastikan kesediaan tenaga kerja, kedapatan kemudahan perumahan (jarak memandu 15 minit), dan jaringan pengangkutan yang cekap (dihubung terus ke lebuhraya); dan
- Taman Industri Teknologi Tinggi perlu dimajukan di sekitar pembangunan sedia ada dengan tidak menimbulkan sebarang gangguan kepada pembangunan sekitar dan zon penampungan yang ketara diperlukan bagi memisahkan taman teknologi dengan kawasan perumahan, kawasan perdagangan ataupun kawasan industri dan kawasan institusi di sekitar pembangunan.



Sumber : Kajian Penyelidikan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia 1999

6.2 Keluasan Lot dan Premis

- i. Pelbagai saiz lot disediakan bagi memenuhi keperluan bakal firma-firma berskala besar; dan
- ii. Premis perlu disediakan mengikut keluasan yang sama secara bersesuaian di mana unit-unit kecil ini boleh dicantumkan untuk firma-firma yang memerlukan ruang operasi yang lebih besar.

6.3 Perancangan Pengangkutan dan Lalulintas

6.3.1 Aksesibiliti

- i. Taman sains memerlukan aksesibiliti tinggi daripada lebuh raya, pelabuhan dan lapangan terbang dan akses utama untuk tujuan pengangkutan bahan mentah, akses yang tinggi dan tenaga kerja dari kawasan perumahan;
- ii. Taman teknologi memerlukan aksesibiliti yang tinggi dan tersendiri iaitu tidak bergabung dengan gunatanah sekitar memandangkan taman teknologi melibatkan aktiviti perkilangan yang menjanakan pergerakan lori dan kenderaan berat dalam taman.

6.3.2 Rekabentuk Sirkulasi Dalaman

- i. Rekabentuk sirkulasi dalaman harus direka mengikut topografi dengan kerja tambakan dan potongan yang minimum bagi memelihara keunikan bentuk muka bumi tapak yang menyumbang kepada imej taman industri teknologi tinggi yang eksklusif;
- ii. Persimpangan jalan dalam taman dan jalan raya utama perlu dikawal dengan lampu isyarat, papan tanda 'berhenti' atau laluan atas untuk mengelakkan kemalangan;
- iii. Trafik yang tidak berkaitan yang melalui kawasan pembangunan (*through traffic*) harus dielakkan kerana akan menimbulkan kesesakan dan memburukkan kualiti persekitaran taman yang selesa, tenteram dan nyaman;
- iv. Sirkulasi dalaman perlu direkabentuk supaya dapat membenarkan pengubahsuaian dalam pembahagian kawasan pembangunan; dan
- v. Trafik lori diasingkan daripada trafik lain bagi mengelakkan gangguan kepada operasi firma-firma dan meningkatkan aksesibiliti pekerja dan pelawat.

6.3.3 Lorong Pejalan Kaki dan Basikal

- i. Lorong basikal perlu disediakan untuk tujuan rekreasi dan perjalanan '*home-work place journey*';

- ii. Lorong pejalan kaki perlu disediakan untuk menghubungkan ke kawasan tumpuan awam. Ia perlu direkabentuk dengan mengambilkira aspek teduhan, keselamatan, jarak terdekat (*shortest path*) dan '*pedestrian desire line*'. Pertimbangan harus diberikan kepada perubahan ketinggian aras; dan
- iii. Suasana pejalan kaki dan berbasikal yang selamat.

6.3.4 Pengangkutan Awam

- i. Pengangkutan awam tidak dibenarkan dalam taman sains dan taman teknologi memandangkan ia mungkin menimbulkan konflik dengan sistem kenderaan berat dan kereta dalam taman sains/teknologi;
- ii. Bagi taman yang kurang daripada 250 hektar, kemudahan pengangkutan awam boleh dikecualikan. Lorong pejalan kaki perlu dihubungkan dalam seluruh taman ke luar tapak dan ke stesen bas yang terdekat; dan
- iii. Sistem pengangkutan awam yang berkesan digalakkan disediakan untuk jarak dekat, sederhana dan jarak jauh sebagai alternatif kepada pengangkutan persendirian. Sistem ini akan terdiri daripada:
 - a. *Light Rapid Transit (LRT)* :
Menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan dan mudah dengan '*lower operating speeds*';
 - b. Bas awam :
Perkhidmatan ini diberikan ke semua zon perumahan, setiap zon dalam pusat bandar dan juga memberikan keutamaan di jalan sekunder dan tempatan semasa waktu puncak dan disediakan lorong khas untuk pergerakan yang lancar;
 - c. Sistem sokongan pengangkutan awam :
Perhentian bas dan juga sistem maklumat pengguna yang mana perlu disediakan di tempat-tempat yang strategik;
 - d. Stesen pengangkutan awam :
Perletakan stesen pengangkutan awam harus dapat menggalakkan interaksi pelbagai perkhidmatan dalam bandar; dan
 - e. Sistem maklumat pengguna :
Sistem interaktif elektronik (*electronic information system*) yang menyalurkan maklumat yang komprehensif kepada para pengguna

(termasuk laluan, jangka masa ketibaan dan kelewatan) harus disediakan di setiap stesen dan perhentian pengangkutan awam termasuk juga kawasan awam yang popular. Sistem ini juga melibatkan kerja penyelenggaraan dan pengawasan oleh operator selain daripada membekalkan maklumat yang tepat dan jelas bagi pengguna.

6.4 Perancangan Lanskap

- i. Perancangan landskap hendaklah berasaskan kombinasi imej teknologi tinggi dan lanskap organik bagi menonjolkan imej teknologi tinggi dan korporat yang eksklusif dengan pendekatan berikut:
 - a. Memperkenalkan tanaman, perabot dan juga rekabentuk landskap tepi jalan yang sesuai yang dapat mencerminkan ciri-ciri tempatan sepanjang laluan utama seperti jalan dan 'tramways' yang menyumbang kepada imej bandaraya;
 - b. Mewujudkan '*sense of approach and departure*' melalui penggunaan pintu masuk, vista yang berurutan, isyarat jalan yang senang dikenal pasti, pahat batu, tanaman pokok, kawasan berturap, gerbang pintu (*archways*), deretan tiang (*colonnades*), dan
 - c. Menggunakan sistem hierarki jalan yang jelas, rekabentuk isyarat jalan yang sesuai dengan kelajuan kenderaan untuk memudahkan orientasi dan pergerakan pekerja dan pelawat luar.
- ii. Mewujudkan jaringan kawasan lapang yang berintegrasi yang dapat menyediakan '*pedestrian linkages*', pandangan visual dan rekreasi yang berkualiti kepada semua '*precinct*' pembangunan, termasuk unit-unit kejiranan perumahan dalam pembangunan berkonsepkan bandar baru dan kawasan taman;
- iii. Mempromosi dan mewujudkan landskap Malaysia dengan penggunaan pokok, tanaman, bahan binaan bangunan dan juga bentuk dan corak budaya dan warisan tempatan;
- iv. Mematuhi Garis Panduan Landskap Negara, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa;
- v. Semua pandangan yang buruk hendaklah ditampar dan dilindungi. Antara kawasan utama yang harus ditampar ialah:
 - a. Tapak cadangan rawatan pembedungan;
 - b. Saluran perparitan terbuka yang luas;
 - c. Tapak penyediaan utiliti yang lain seperti sub-stesen, menara tangki air dan tapak pembuangan sampah, dan
 - d. Kawasan penyimpan untuk kilang-kilang individu dalam kawasan industri.

- vi. Menggunakan teknik landskap yang sensitif kepada rekabentuk solar, mengurangkan suhu bagi menyediakan kualiti persekitaran yang selesa dan baik;
- vii. Menggalakkan tatatur dan teknik perancangan tapak yang membenarkan '*cross ventilation, channelling cooling breezes*' dan penggunaan badan air sebagai agen penyejukan dan sebagainya;
- viii. Menjadikan masjid dan kegunaan yang berkaitan sebagai titik tumpuan atau mercu tanda dalam bandaraya dan juga pusat kejiranan;
- ix. Menerapkan ciri-ciri seni bina tempatan yang unik dari segi bahan binaan, warna dan juga tekstur;
- x. Lampu jalan yang mempamerkan identiti tersendiri yang disepadukan dengan papan tanda jalan dan dalam taman secara keseluruhannya;
- xi. Kemudahan lain yang perlu disediakan termasuk '*refreshment kiosk*', telefon, struktur berteduh, vendor surat khabar, papan buletin dan sebagainya:
 - a. Lokasi '*kiosk*' perlu strategik untuk menyediakan perkhidmatan dan rekabentuk, struktur serta bahan binaan harus bersesuaian dengan kawasan sekitar;
 - b. Struktur berteduh, '*gazebo*' dan '*cabanas*' perlu disediakan di tempat bertemu/persimpangan dan juga di kawasan berehat;
 - c. Papan isyarat perlu disediakan untuk memberi maklumat dan juga tunjuk arah;
 - d. Tempat awam (*promenade*) yang formal dan informal perlu diwujudkan dengan jelas;
 - e. '*Boulevard*' yang merupakan laluan pejalan kaki harus diintegrasikan dengan aktiviti yang berbeza seperti kawasan makan dan kawasan hiburan; dan
- xii. Lampu neon tidak dibenarkan. Perabot jalan yang berkualiti tinggi untuk imej yang kemas dan bersih.

6.4.1 Perancangan Landskap Zon P&P, Institusi Dan Industri

- i. Rekabentuk Gerbang Pintu perlu menekankan teknologi baru;
- ii. Saiz dan bentuk Gerbang Pintu perlu pelbagai dengan '*clearance*' minimum 8 meter (21 kaki) tinggi harus disediakan untuk membenarkan akses kepada lori dan trelar;
- iii. Tempat Pameran perlu diletakkan di kawasan yang mempunyai aksesibiliti yang mudah untuk kenderaan berat dan terdiri daripada permukaan yang berjenis keras;

- iv. Perabot luar bangunan perlu mempunyai rekabentuk, warna dan bahan binaan yang bersesuaian dengan zon institusi dan juga mencerminkan teknologi terbaru;
- v. Jenis perabot luar bangunan ialah seperti:
 - a. **Gazebo/ pergola** : struktur harus dimasukkan dalam rekabentuk taman berpusat dan rekabentuk harus ringkas dan selamat untuk pengguna;
 - b. **Pahat batu** : rekabentuk harus ringkas dan dapat mencerminkan kedapatan teknologi maju, sensitif kepada agama dan juga budaya tempatan;
 - c. Lampu perlu disediakan di kawasan letak kereta dan di sepanjang jalan;
 - d. Tempat duduk perlu disediakan dalam kawasan taman berpusat, '*pocket parks*' dan juga di antara sistem lautan pejalan kaki;
 - e. **Penyangga sampah-sarap** : perlu disediakan dengan rekabentuk ringkas, mudah diguna dan tahan lasak dan perlu disediakan di kawasan yang mempunyai akses lorong pejalan kaki; dan
 - f. '*Information kiosk*' perlu disediakan dengan rekabentuk dan struktur yang menekankan ciri-ciri efisien dan kombinasi beberapa jenis elemen seperti telefon, vendor suratkhbar, perhentian informasi, '*drinking fountain*' dan peti surat.
- vi. Rekabentuk air terjun atau pancutan air dapat berfungsi untuk menyederhanakan suhu sekeliling dan untuk tujuan estetik; dan
- vii. Mengutamakan sistem pejalan kaki dan basikal dengan menyediakan trek basikal yang berasingan dari lorong pejalan kaki untuk tujuan keselamatan dan juga kesenangan.

6.5 Imej dan Rekabentuk Bandar

- i. Mempromosikan pembangunan berkepadatan rendah dan sederhana dengan bangunan yang rendah (kecuali bangunan yang dijadikan mercutanda);
- ii. Menonjolkan imej teknologi tinggi dan korporat yang eksklusif;
- iii. Menggalakkan perabot jalan yang berkualiti tinggi bagi mempamerkan imej yang kemas dan bersih, manakala lampu neon tidak digalakkan;
- iv. Mempromosikan '*advanced environment*' melalui pengalaman pandangan yang diwujudkan daripada ruang antara bangunan seperti pejalan kaki, daratan, plaza dan sebagainya;

- v. Menerapkan ciri-ciri seni bina tempatan yang unik dari segi bahan binaan, warna dan juga tekstur; dan
- vi. Mewujudkan rekabentuk bandar yang unik dan menarik dengan mengambil kira karakter senibina yang boleh mempamerkan imej teknologi tinggi yang menonjol dan kehalusan rekabentuk serta karakter fizikal dan sosio-budaya kebangsaan.

6.5.1 Ciri-Ciri Bangunan

- i. Rekabentuk dalaman bangunan yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan firma yang terlibat dalam pelbagai jenis bidang;
- ii. Orientasi bangunan harus terbuka kepada arah tiupan angin;
- iii. Fasad bangunan mencerminkan konsep rekabentuk yang dapat menyampaikan fungsi, struktur dan juga skala bangunan; dan
- iv. Merekabentuk untuk meminimumkan kerja 'pemotongan dan penambahan' dan mempromosikan bangunan serta struktur yang berintegrasikan dengan landskap semulajadi.

6.5.2 Penggunaan Bahan Untuk Bangunan

- i. Harmoni dengan bangunan-bangunan lain dalam taman melalui perancangan bersepadu;
- ii. Mempamerkan imej yang sama dengan identiti tersendiri bagi setiap firma dalam taman; dan
- iii. Penggunaan bahan yang dapat mencerminkan ciri-ciri teknologi tinggi seperti cermin dan sebagainya.

6.6 Kejuruteraan Awam/Alam Sekitar

- i. Semua jenis utiliti disediakan berasaskan Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti (Service Protocol) JPBD Bil. 20/97 bagi tujuan estetik dan juga memudahkan tujuan penyelenggaraan yang tidak menimbulkan gangguan kepada trafik;
- ii. Bekalan air yang mencukupi dan berkesan untuk memenuhi keperluan semasa dan masa depan dalam taman harus ditentukan;
- iii. Bekalan elektrik yang sesuai untuk kegunaan semasa dan keperluan masa depan harus disediakan untuk kegunaan domestik, institusi dan juga keperluan sektor industri dalam tapak pembangunan;
- iv. Penyambungan fiber optik untuk sistem telekomunikasi yang cekap dan bersinambungan;

- v. Kemudahan teknologi maklumat dan telekomunikasi harus disediakan berasaskan kepada liputan sebanyak 100 peratus dan disambungkan kepada setiap rumah, sekolah dan pejabat. Ini bertujuan untuk membekalkan infrastruktur asas untuk pembangunan sekolah, rumah dan bangunan bestari dalam taman;
- vi. Sistem perparitan dan langkah pencegahan banjir harus diambil kira di kawasan rendah, terutamanya sekitar badan air seperti sungai dan juga kolam bekas lombong;
- vii. '*Detention pond*' harus disambungkan kepada sungai dan juga tasik melalui parit monsun dan dilengkapi dengan mekanisme kawalan pengaliran bagi mengawal tahap ketinggian air untuk mengelakkan masalah banjir berlaku;
- viii. Sistem pembuangan sisa pepejal yang lengkap hendaklah disediakan mengikut Garis Panduan Perancangan Tapak Sisa Toksid dan Pepejal JPBD Bil . 8/97.
- ix. Sistem Rawatan Kumbahan perlu disediakan mengikut Garis Panduan Perancangan Kemudahan Pembetulan JPBD 1/99 dan Perancangan Kemudahan Masyarakat perlu disediakan mengikut Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat JPBD 19/97.

6.7 Perancangan Perumahan Untuk Pekerja

- i. Unit kejuruan perumahan hendaklah dibangunkan berasaskan kepada konsep taman perumahan dan harus mempamerkan jenis pembangunan dan rekabentuk rumah yang pelbagai dan mesra pengguna (*user-friendly*) yang sesuai dan mampu dimiliki oleh semua lapisan masyarakat;
- ii. Setiap unit kejuruan hendaklah berdikari (*self-sufficient*) dari segi penyediaan ameniti, kawasan lapang, aktiviti runcit dan juga mempunyai ciri persekitaran kejuruan yang mesra;
- iii. Pembangunan perumahan hendaklah harmoni dengan keadaan tapak dan bersesuaian dengan topografi tapak dan diterapkan ke dalam ciri-ciri tapak sekitarnya;
- iv. Pembangunan perumahan hendaklah dibangunkan dalam bentuk berkelompok (*cluster*) untuk membenarkan penggunaan tapak bangunan yang optima dan pada masa yang sama memelihara kawasan sensitif. Tatatur berjenis '*monotonous barrack-like*' adalah tidak dibenarkan.
- v. Pembangunan perumahan hendaklah direkabentuk supaya memberi kemudahan kepada golongan kurang upaya;
- vi. Membina kawasan perumahan bestari dengan mewujudkan pusat pembelajaran tempatan yang terdiri daripada masjid atau pusat agama lain, perpustakaan, dormitori perumahan untuk para pelajar untuk menggalakkan budaya memikir, sayang kepada pengetahuan dan berkongsi pendapat;

- vii. Memastikan agihan rumah dalam keseluruhan pembangunan Taman Industri Teknologi Tinggi selaras dengan Rancangan Tempatan;
- viii. Intensiti perumahan hendaklah berdasarkan kepada 15 unit/hektar untuk kepadatan rendah, 30 unit/hektar untuk kepadatan sederhana dan 40 ke 100 unit/hektar untuk pembangunan kepadatan tinggi;
- ix. Perumahan bertingkat adalah dibenarkan di zon perumahan berkepadatan tinggi dan tapak minimum yang diperlukan ialah 0.8 hektar;
- x. Jenis rumah yang dibenarkan ialah rumah sesebuah, rumah berkembar, rumah bertingkat (berkepadatan tinggi), rumah berkelompok dan rumah bandar (*town house*);
- xi. Jalan perumahan hendaklah direkabentuk untuk mengelakkan trafik terus (*through traffic*) dan mewujudkan jaringan pejalan kaki yang bersinambungan, selamat dan selesa;
- xii. Menyediakan kemudahan kepada para pejalan kaki, penunggang basikal dan juga golongan kurang upaya dalam unit kejiranan;
- xiii. Tatatur perumahan hendaklah mengelak dari berhadapan dengan laluan pengangkutan atau trafik sibuk; dan
- xiv. Menyediakan sistem sirkulasi pejalan kaki yang menarik bagi mempamerkan kualiti hidup yang baik dan selesa.

6.8 Kemudahan Perniagaan

- i. Aktiviti perniagaan hendaklah berfungsi sebagai aktiviti utama bagi mewujudkan pembangunan komprehensif yang akan disokong oleh kemudahan-kemudahan lain yang saling berkaitan dengan berkesan;
- ii. Kemudahan perniagaan hendaklah mempunyai piawaian yang tinggi dan terdiri daripada multi-dimensi bagi memanfaatkan penduduk, pekerja dan juga pelawat dalam bandar baru;
- iii. Pusat perniagaan hendaklah berfungsi bukan sahaja sebagai tempat tumpuan membeli-belah dan perdagangan tetapi juga sebagai destinasi hiburan, rekreasi dan interaksi sosial yang unggul;
- iv. Rekabentuk bangunan untuk aktiviti perniagaan harus bersesuaian dengan elemen-elemen yang mempunyai nilai estetik yang unik serta rekabentuk bercirikan futuristik yang tersendiri dengan kualiti landskap yang tinggi dan menonjol, melalui rekabentuk bangunan inovatif iaitu elemen rekabentuk bandar yang bercirikan unik dan menarik seperti taman dalaman/halaman, '*arches*', '*pergolas*', '*squares*', pahat batu yang moden dan sebagainya;

- v. Kawasan '*plinth*' hendaklah tidak melebihi 60 peratus; dan
- vi. Ketinggian bangunan perniagaan perlulah dikawal bagi membentuk satu skala yang seragam dengan persekitaran dan selaras dengan kemudahan mencegah kebakaran dan lain-lain keperluan 'functional' atau khusus (rujuk Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984).

6.9 Kemudahan Rekreasi

- i. Rumah Kelab
 - a. Kemudahan yang berkualiti yang meliputi bilik pentadbiran, bilik persalinan dan bilik mandi, bilik permainan, restoran, stor dan kemudahan tempat letak kereta perlu disediakan;
- ii. Padang Golf, kemudahan equestrian, '*Archery course*' dan gelanggang tenis perlu disediakan mengikut piawaian.

6.10 Kemudahan Masyarakat

- i. Kemudahan Masyarakat yang lengkap hendaklah disediakan berdasarkan kepada jumlah penduduk tampungan. Sistem keselamatan dan juga kemudahan yang disediakan harus mempamerkan ciri-ciri teknologi tinggi dan teknologi maklumat. Masjid bestari akan dijadikan sebagai fokus utama dalam kawasan komuniti dan aktiviti keagamaan;
- ii. Kemudahan sosial yang lain seperti perpustakaan, harus diintegrasikan dengan pembangunan masjid bestari dan terletak dalam jarak yang dekat;
- iii. Kawasan pembangunan masjid perlu dilengkapi dengan kemudahan elektrik dan telekomunikasi yang bersedia untuk disambungkan dengan kemudahan teknologi maklumat;
- iv. Kemudahan teknologi tinggi perlu disediakan di balai polis;
